

# PENGUNAAN KAWASAN LAPANG KEJIRANAN DI KALANGAN BELIA MELAYU DI SUNGAI PETANI, KEDAH

Siti Noor Zilawati Binti Mingat @ Minhad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah  
[ctnoorzila@gmail.com](mailto:ctnoorzila@gmail.com)

## ABSTRAK

Kawasan lapang menyediakan perkhidmatan dalam bentuk ekonomi, alam sekitar, sosial dan kesihatan. Taraf hidup yang semakin meningkat dan perubahan pekerjaan serta corak gaya hidup diiringi oleh permintaan sumber semulajadi yang semakin meningkat, mengakibatkan penggunaan kawasan lapang kejiranan turut mengalami perubahan. Penyediaan kawasan lapang yang baik perlu memenuhi permintaan dan keperluan pelbagai kumpulan penduduk seperti kumpulan umur yang berbeza, ibu bapa muda, orang-orang cacat, perbezaan budaya, dan lain-lain. Kini penggunaan kawasan lapang di kawasan perumahan boleh di anggap sebagai kawasan melakukan aktiviti aktif dan pasif secara konvensional. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia Melayu. Rekabentuk kajian adalah kualitatif dengan melibatkan responden seramai 10 orang. Kajian ini telah menggunakan temubual secara mendalam dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kawasan lapang kejiranan semakin kurang dikunjungi. Selain itu, antara cabaran penggunaan kawasan lapang kejiranan yang ditemui adalah wujudnya kecenderungan yang berbeza antara golongan belia bujang dengan golongan belia sudah berkahwin dalam penggunaan kawasan lapang kejiranan. Selain itu, revolusi teknologi kini, secara tidak langsung telah mengubah corak penggunaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia Melayu.

**Katakunci:** penggunaan, kawasan lapang kejiranan, belia

## 1. Pengenalan

Pembangunan Bandar Lestari adalah satu komponen penting dalam matlamat sejagat Pembangunan lestari. Pertambahan penduduk dunia di bandar, menjadikan kawasan bandar menghadapi masalah dan fenomena baru. Penggunaan sumber yang tidak terkawal, kesan rumah hijau, penipisan lapisan ozon dan lain-lain disebabkan oleh perkembangan perbandaran dan perindustrian. Selain itu, jurang ekonomi dan sosial

antara kumpulan pendapatan yang berbeza telah meningkat, masalah kemiskinan dan kesan negatif terhadap kualiti hidup komuniti bandar. Dalam menghadapi fenomena baru dan masalah kawasan bandar, Pembangunan Bandar lestari telah menjadi satu pendekatan penting dalam perancangan dan pembangunan, dasar dan matlamat dan juga gaya hidup komuniti bandar.

Menurut UN-Habitat, (1996), konsep pembangunan bandar lestari perlu merangkumi beberapa asas objektif iaitu meminimumkan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui; meningkatkan pencapaian penggunaan lestari melalui sumber yang boleh diperbaharui dan tinggal dalam kapasiti had penyerapan sisa tempatan dan global. Tindakan untuk mencapai objektif ini adalah dengan menyediakan hubungan antara persekitaran semula jadi dan alam bina. Jelas sekali, kawasan lapang adalah penyumbang utama kepada kelestarian bandar di kawasan kejiranan dan skala bandar. Kawasan lapang dan rekreasi menyokong kesejahteraan hidup komuniti. Dasar perancangan direka dan dilaksanakan dengan baik untuk ruang terbuka dan rekreasi untuk melaksanakan objektif Kerajaan. Ini termasuk menyokong perkembangan bandar bagi membantu mewujudkan persekitaran bandar yang menarik, bersih dan selamat. Dasar memperuntukkan sepuluh peratus kawasan lapang kejiranan bagi setiap pembangunan hanya dapat dibuktikan keberkesannya sekiranya kawasan lapang tersebut disediakan di kawasan yang sesuai dan kemudahannya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat setempat. Kawasan lapang dan rekreasi yang telah disediakan itu juga hendaklah dipastikan supaya ia sentiasa bersih, selamat dan berfungsi serta diselenggarakan dari semasa ke semasa.

Justeru langkah proaktif untuk membendungnya perlu diambil agar perasaan cintakan alam sekitar dapat disemai dalam setiap jiwa komuniti bandar dan kejiranan. Pelaksanaan polisi gaya hidup hijau perlu digalakkan seperti penggunaan tenaga yang lebih efisien, penggunaan sumber tenaga alternatif, pemuliharaan hutan dan penggunaan mesra alam dalam aktiviti seharian. Namun begitu, kesan daripada gaya hidup baru, nilai dan sikap komuniti masa kini terhadap alam semula jadi dan kelestarian semakin berkurangan. Nilai sosial terhadap ruang terbuka termasuk sikap terhadap alam semula jadi yang semakin rendah (Thompson, 2002). Ini adalah disebabkan keadaan kehidupan bandar dan corak kawasan lapang yang kurang memenuhi kehendak dan keperluan komuniti pada masa kini. Kawasan lapang memainkan peranan yang penting dalam menyediakan ruang untuk memberikan pelbagai perkhidmatan kepada komuniti seperti perkhidmatan sosial, ekonomi, alam sekitar dan kesihatan. Perkembangan teknologi yang semakin pesat telah menjarakkan komuniti dengan alam semula jadi. Kajian sedunia oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada 2013 menunjukkan Malaysia mempunyai jumlah 'warga digital' keempat tertinggi di dunia. Hampir 75 peratus belia di Malaysia merupakan warga digital.

Selain daripada itu, pembukaan gim, gelanggang futsal seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kadar pertumbuhan industri kecergasan di Malaysia telah menjadi satu fenomena semenjak 5 tahun yang lepas. Lebih ramai usahawan berbanding sebelum ini mengambil bahagian dalam menyediakan dan menguruskan pusat-pusat kecergasan di seluruh negara. Keadaan ini juga merupakan salah satu faktor mengapa komuniti belia kurang menggunakan kawasan lapang kejiranan. Kini penggunaan kawasan lapang di kawasan perumahan boleh di anggap sebagai kawasan melakukan aktiviti aktif dan pasif secara konvensional (Thompson, 2002). Fenomena permainan atau aktiviti indoor yang semakin banyak dan lebih mudah di akses serta lebih selesa

merupakan salah satu cabaran luaran mengapa kawasan lapang kejiranan jarang dikunjungi. Di mana menurut Thompson, (2002) adalah penting sekiranya terdapat beberapa kajian semula yang mengkaji prinsip-prinsip corak penggunaan kawasan lapang agar bersesuaian dengan gaya hidup dan perubahan teknologi masa kini.

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia Melayu. Dalam kajian ini juga akan membincangkan cabaran bagi penggunaan kawasan lapang kejiranan serta meninjau pandangan di kalangan belia Melayu terhadap penggunaan kawasan lapang kejiranan di Taman Ria, Sungai Petani, Kedah.

## 2. Ulasan Literatur

Kawasan lapang dikuasai oleh persekitaran "semula jadi", terdiri daripada unsur-unsur abiotik (tanah, air, mineral) dan biotik (tumbuhan, haiwan, mikroorganisma). Dari sudut yang lain, kawasan lapang juga mempunyai ciri-ciri semula jadi yang membolehkan ekosistem berfungsi secara berterusan melalui hidupan semula jadi dan landskap (Maruani & Amit-Cohen, 2007). Oleh itu, perancangan kawasan lapang juga merupakan sebagai pemuliharaan atau perlindungan daripada pembangunan yang pesat. Tanah lapang ditakrifkan oleh Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 1997, Akta (A933) dalam Seksyen 2(f) adalah sebagai "mana-mana tanah samada yang dikepong atau tidak yang dikhas atau dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat jalan kaki atau sebagai suatu tempat awam".

Menurut JPBD Semenanjung Malaysia (2012) tanah lapang dan rekreasi adalah saling berkaitan. Tanah lapang adalah merupakan suatu ruang atau tapak yang dikhaskan untuk tujuan seperti yang telah ditetapkan oleh akta. Manakala rekreasi pula adalah merupakan aktiviti yang dijalankan di atas mana-mana tanah lapang. Tanah lapang dan rekreasi adalah merupakan satu kawasan awam yang digunakan untuk tujuan riadah yang tidak dikenakan sebarang bayaran masuk. Manakala menurut web Healthy Spaces and Places, (2009) taman dan kawasan lapang merujuk kepada tanah yang telah dikhaskan untuk tujuan formal dan sukan tidak rasmi dan rekreasi, pemeliharaan persekitaran semula jadi, penyediaan ruang hijau atau pengurusan air bandar.

Menurut Gedikli, (n.d). ruang terbuka boleh ditakrifkan sebagai tanah yang tiada apa-apa pembangunan dalam bandar yang menyediakan faedah alam sekitar, sosial dan ekonomi kepada masyarakat. Adakalanya ianya menjadi ruang hijau seperti taman bunga, kawasan permainan, kemudahan sukan dan koridor hijau atau ruang sivik seperti laluan pejalan kaki, kemudahan sukan dan kawasan berjalan kaki.

Menurut Maruani & Amit-Cohen (2007), antara peranan kawasan lapang yang disediakan adalah untuk rekreasi, terutamanya melalui persekitaran alam semula jadi. Selain itu, ianya juga mempunyai nilai tambah dalam beberapa aspek termasuk sebagai keindahan seperti menghijaukan persekitaran bandar. Melalui aspek psikologi pula seperti hubungan dengan alam semula jadi, rasa tenang, bebas dan menghilangkan rasa tekanan. Dalam aspek sosial seperti menggalakkan pertemuan sosial, kesaksamaan dan integrasi sosial dan membuka peluang lebih banyak untuk minoriti. Kawasan lapang juga mempunyai peranan dalam aspek perkhidmatan pendidikan dan saintifik seperti menawarkan pelbagai persekitaran untuk kajian dan penerokaan oleh pelajar dan penyelidik di semua peringkat pendidikan serta asimilasi nilai-nilai dan sikap

moral seperti nilai-nilai tentang hubungan antara manusia dan alam semula jadi. Semua ini boleh dianggap sebagai perkhidmatan disediakan oleh ruang terbuka kepada masyarakat. Ini menunjukkan ruang terbuka sebagai pembekal perkhidmatan kepada komuniti setempat.

Menurut Chiesura, (2004) kawasan lapang menyediakan perkhidmatan alam sekitar melalui udara dan pembersihan air, angin dan penapisan bunyi, penstabilan mikroiklim. Manakala perkhidmatan kesihatan kepada kawasan lapang di mana, kajian membuktikan bahawa ia dapat mengurangkan tekanan dan memberikan ketenangan. Selain itu, terdapat hubungan yang positif antara penggunaan taman dan kesihatan yang baik dari segi mental dan fizikal (Klompaker et al., 2018) . Perkhidmatan sosial kepada kawasan lapang adalah galakan daripada penggunaan ruang luar dan peningkatan integrasi sosial di kalangan jiran. Akhirnya, perkhidmatan ekonomi kepada kawasan lapang iaitu termasuk pembersihan udara oleh pokok yang dapat mengurangkan kos pencegahan pencemaran; promosi bandar sebagai destinasi pelancongan; dan peningkatan nilai hartanah dan hasil cukai.

Hasil daripada taraf hidup yang semakin meningkat dan perubahan pekerjaan dan corak gaya hidup serta diiringi oleh permintaan yang semakin meningkat untuk rekreasi. Kebanyakan permintaan ini dipenuhi di kawasan lapang, terutamanya kepada mereka yang sukakan kepada alam semula jadi. Aktiviti aktif yang boleh dijalankan seperti bersukan dan permainan atau aktiviti pasif seperti bersiar-siar atau memerhatikan pemandangan (Koohsari et al., 2015). Penyediaan kawasan lapang yang baik adalah perlulah memenuhi permintaan dan keperluan pelbagai kumpulan penduduk seperti kumpulan umur yang berbeza, ibu bapa muda, orang-orang cacat, perbezaan budaya, dan lain-lain. Bagi memenuhi keperluan ini perancangan kawasan lapang yang terperinci perlu di lakukan, di mana soalan-soalan seperti berapa banyak, untuk siapa dan di mana ruang terbuka diperlukan. Dengan itu, parameter bagi kawasan lapang adalah memberi tumpuan kepada keperluan pengguna, seperti saiz dan taburan kawasan lapang, keserasian antara kegunaan yang berpotensi dan aktiviti, akses, penglihatan dan kesesuaian dan keperluan khas. Kawasan lapang di kawasan bandar dan kejiranan dapat melaksanakan fungsi penting sebagai kawasan untuk pemuliharaan alam semula jadi dan biodiversiti dan bertindak sebagai kawasan hijau bagi membantu dalam memenuhi objektif untuk meningkatkan kualiti udara (Abbasi et al., 2016). Kawasan hijau juga berperanan sebagai promosi penyertaan sosial dan perpaduan masyarakat yang terancang. Selain daripada itu kawasan lapang di kawasan kejiranan juga berperanan sebagai titik tumpuan bagi aktiviti kemasyarakatan dan interaksi sosial (Guidance, 2002).

Kawasan lapang juga berperanan dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Kemudahan sukan dan rekreasi mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi gaya hidup sihat dan mencegah penyakit. Manakala dalam pembangunan sosial kanak-kanak dan semua peringkat umur melalui bermain, aktiviti sukan dan interaksi dengan orang ramai. Menurut Potwarka, Kaczynski, & Flack, (2008), dalam kajiannya kanak-kanak yang bermain atau tinggal berdekatan dengan taman permainan dalam lingkungan 1 km lima kali lebih cenderung untuk diklasifikasikan sebagai berat badan yang sihat berbanding dengan kanak-kanak tinggal jauh atau kurang bermain di taman permainan (Koohsari et al., 2015). Selain daripada itu, kawasan lapang juga memainkan peranan ke arah pembangunan lestari iaitu dengan memastikan kawasan lapang, sukan dan kemudahan rekreasi

terutamanya di kawasan bandar mudah diakses dengan berjalan dan berbasikal serta lokasi yang dekat dengan pengangkutan awam.

### 3. Kaedah Kajian

Rekabentuk kajian ini adalah kualitatif. Jenis analisis menggunakan kaedah analisis kualitatif dan kuantitatif iaitu temubual, pemerhatian dan analisis deskriptif. Kajian ini telah menggunakan temubual secara mendalam dengan melibatkan seramai 10 responden utama yang terdiri daripada 5 orang perempuan dan 5 orang lelaki dengan menggunakan soal selidik berstruktur (Hamzah, et al., (2014). Keadaan ini bagi membantu responden memahami dan menjawab soalan dengan mudah. Menurut Sandelowski (1995), bagi pendekatan kualitatif, saiz sampel tidak perlu besar tetapi harus boleh menjawab persoalan yang ingin dikaji. Justifikasi pemilihan sepuluh orang responden tersebut adalah kerana mereka mewakili sebahagian kecil komuniti belia Melayu di Taman Ria, Sungai Petani, Kedah. Temubual ini bertujuan bagi mendapatkan persepsi di kalangan belia Melayu terhadap penggunaan kawasan lapang kejuruan. Kesemua responden yang telah dipilih merupakan belia Melayu yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Skala likert yang digunakan dalam item soal selidik adalah "1" mewakili sangat tidak setuju, "2" mewakili tidak setuju, "3" mewakili kurang setuju, "4" mewakili setuju dan manakala "5" mewakili sangat setuju.

Definisi belia merujuk kepada beberapa kriteria iaitu umur, kelakuan, sikap, semangat, perasaan psikologi, dan taraf ekonomi. Namun di Malaysia, menggunakan kriteria umur bagi mendefinisikan belia. Mengikut dasar belia Negara, golongan belia didefinisikan berdasarkan umur, undang-undang dan sosio-budaya. Mengikut kementerian Belia dan Sukan Malaysia, belia merupakan ahli masyarakat yang berumur 15 hingga 40 tahun. Manakala menurut UNESCO (1969) mentafsirkan belia sebagai mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun. Dalam Perlembagaan Majlis belia Malaysia (MBM), menggariskan belia adalah warganegara yang berumur antar 12 hingga 35 tahun. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menggunakan tahap umur 15 hingga 25 tahun, manakala Commonwealth youth Programme (CYP) mereka yang berumur 18 hingga 35 tahun sebagai belia. Menurut Abdullah, (2013), uniknya belia kerana ia mempunyai tiga realiti kepentingannya. Belia dianggap sebagai media baru yang melahirkan bentuk pemilihan, penyuaran, perkongsian, organisasi dan makna baru yang melingkai ruang dan masa. Kepentingan realiti kedua iaitu kesedaran baru sosial di mana membentuk identiti kolektif yang bebas-struktur, berfokus, berkongsi sesuatu yang subjektif, berbudaya dan sarat nilai. Manakala kepentingan realiti ketiga ialah transformasi demokrasi. Berdasarkan kepada pernyataan ini, maka golongan belia Melayu telah dipilih sebagai responden, kerana pendapat dan pandangan belia juga penting dalam mewujudkan bandar dan komuniti lestari.

### 4. Perbincangan Dan Penemuan

Jadual 1 menunjukkan profil responden di kalangan belia Melayu yang tinggal di Taman Ria iaitu seramai sepuluh orang iaitu item A1 hingga item A4. Seramai 3 orang daripada peringkat umur 15 hingga 20 tahun, 4 orang daripada peringkat umur 21 hingga 30 tahun dan 3 orang daripada peringkat umur 31- 40 tahun.

Jadual 1. Profil Responden

Bil	Kod	Jantina	Umur	Taraf perkahwinan	Sektor pekerjaan	Kekerapan
		A1	A2	A3	A4	B1
1	R1	Lelaki	18 tahun	Bujang	Pelajar	2 kali seminggu
2	R2	Perempuan	18 tahun	Bujang	Pelajar	Sebulan sekali
3	R3	Lelaki	20 tahun	Bujang	Sektor swasta	Sebulan sekali
4	R4	Lelaki	22 tahun	Bujang	Sektor awam	Sebulan sekali
5	R5	Perempuan	23 tahun	Berkahwin	Pelajar	Setahun sekali
6	R6	Lelaki	25 tahun	Bujang	Sektor awam	2 bulan sekali
7	R7	Perempuan	29 tahun	Berkahwin	Sektor swasta	Setahun sekali
8	R8	Perempuan	32 tahun	Berkahwin	Sektor awam	Sebulan sekali
9	R9	Lelaki	34 tahun	Berkahwin	Sektor awam	2 bulan sekali
10	R10	Perempuan	37 tahun	Berkahwin	Sektor awam	Sebulan sekali

Hasil temubual, item B1 majoriti responden menunjukkan mengunjungi kawasan lapang kejiranan sebanyak sebulan sekali dengan peratusan 60. Ia diikuti dengan responden yang datang 2 bulan sekali, setahun sekali dan 2 kali seminggu.

Berdasarkan kepada dapatan ini dapat disimpulkan bahawa kekerapan penggunaan kawasan lapang bagi belia Melayu di Taman Ria adalah kurang memuaskan. Berdasarkan item B2 pendapat responden tentang kepentingan kawasan lapang kejiranan mendapati majoriti responden iaitu 100 peratus responden menyatakan “ya” bahawa kawasan lapang penting di kawasan perumahan mereka. Hal ini adalah kerana kawasan lapang merupakan kawasan tumpuan penduduk bagi menjalankan sebarang aktiviti dan sebagainya. Bagi menyokong pernyataan ini melalui item B3, responden di minta memberikan nilai kepentingan kawasan lapang kejiranan di mana nilai 1 adalah sangat tidak penting hingga nilai 10 adalah sangat penting. Hasil temubual, nilai (ranking) kepentingan kawasan lapang kejiranan yang diberikan oleh responden adalah antara 7 hingga 10. Majoriti responden berikan nilai 10 iaitu seramai 40 peratus (4 orang), nilai kedua tinggi iaitu nilai 7 iaitu seramai 30 peratus (3 orang), nilai 8 seramai 20 peratus (2 orang dan nilai 9 iaitu seorang (10 peratus). Manakala purata skor nilai kepentingan kawasan lapang kejiranan adalah 8.6 iaitu menghampiri 9. Ini menunjukkan bahawa kawasan lapang kejiranan merupakan suatu ruang dan tapak yang penting bagi komuniti kejiranan, terutamanya kepada mereka yang sukakan alam semula jadi dan menjalankan aktiviti aktif seperti bersukan dan bermain atau melakukan aktiviti pasif seperti bersiar-siar dan menikmati pemandangan.

Jadual 2 adalah taburan pendapat responden tentang kepentingan penggunaan kawasan lapang kejiranan. Item B4a menunjukkan majoriti responden bersetuju dalam menghargai alam sekitar iaitu seramai 50 peratus (5 orang) dan 40 peratus (4 orang) sangat bersetuju manakala hanya 10 peratus (1 orang) responden sahaja kurang

bersetuju bahawa kawasan lapang dapat menjadikan mereka menghargai alam sekitar. Item B4b majoriti responden sangat bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat digunakan oleh mereka dalam menjalani aktiviti di luar iaitu seramai 60 peratus (6 orang) dan 30 peratus (3 orang) sangat bersetuju. Manakala 10 peratus (1 orang) responden kurang bersetuju dalam penggunaan kawasan lapang dengan aktiviti luar.

Jadual 2. Taburan Pendapat Responden Tentang Kepentingan Penggunaan Kawasan Lapang Kejiranan

Kod	Pernyataan	Bilangan Responden [%]					Mod
		Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	
		1	2	3	4	5	
B4a	Menghargai alam semula jadi	-	-	1 [10]	5 [50]	4 [40]	4
B4b	Dapat menjalankan aktiviti luar (bersiar-siar dan berjoging)	-	-	1 [10]	3 [30]	6 [60]	5
B4c	Dapat mengekalkan kesihatan tubuh badan	-	-	1 [10]	2 [20]	7 [70]	5
B4d	Menikmati pemandangan alam sekitar	-	-	2 [20]	3 [30]	5 [50]	5
B4e	Dapat berinteraksi dengan alam semula jadi	-	-	1 [10]	4 [40]	5 [50]	5
B4f	Dapat berinteraksi dengan masyarakat	-	-	-	5 [50]	5 [50]	4
B4g	Sebagai penebat bunyi	-	2 [20]	1 [10]	4 [40]	3 [30]	4
B4h	Menikmati udara segar dan bersih	-	-	-	5 [50]	5 [50]	4
B4i	Dapat mempelajari kewujudan flora dan fauna	-	-	2 [20]	5 [50]	3 [30]	4
B4j	Dapat memberikan tenangan	-	-	-	5 [50]	5 [50]	4
B4k	Dapat menstabilkan mikroiklim	-	-	1 [10]	4 [40]	5 [50]	5

Manakala item B4c, seramai 70 peratus (7 orang) responden sangat bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat membantu mereka mengekalkan kesihatan tubuh badan dengan aktiviti yang dijalankan di kawasan lapang tersebut. Sebanyak 20 peratus (2 orang) responden pula bersetuju manakala 10 peratus (1 orang) responden kurang bersetuju. Item B4d, seramai 50 peratus (5 orang) responden sangat bersetuju bahawa aktiviti yang dijalankan di kawasan lapang dapat membantu mereka menghargai alam sekitar manakala 30 peratus (3 orang) responden bersetuju dan 20 peratus (2 orang) responden kurang bersetuju. Seramai 50 peratus (5 orang) responden sangat bersetuju bahawa dengan adanya kawasan lapang mereka dapat berinteraksi dengan alam semula jadi dan 40 peratus daripada responden iaitu (4 orang) bersetuju iaitu item B4e. Sebanyak 10 peratus (1 orang) responden kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Peratusan responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa kawasan lapang sebagai tempat interaksi antara masyarakat iaitu item B4f adalah sebanyak masing-masing 50 peratus.

Hal ini menyimpulkan bahawa 100 peratus responden bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang menjadi tempat interaksi dengan masyarakat yang berlaku antara penduduk di kejiranan tersebut. Item B4g majoriti responden iaitu 30 peratus (3 orang) setuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang yang ada di kawasan kejiranan mereka merupakan penebat bunyi manakala 30 peratus (3 orang) responden sangat setuju bahawa kawasan lapang sebagai penebat bunyi. Seramai 20 peratus (2 orang) responden tidak bersetuju kawasan lapang sebagai penebat bunyi dan 10 peratus (1 orang) responden pula kurang bersetuju. Peratusan responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat memberikan udara yang segar dan bersih (item B4h) adalah sebanyak masing-masing 50 peratus. Hal ini menyimpulkan bahawa 100 peratus responden bersetuju bahawa kawasan lapang menjadi sumber bagi mereka untuk mendapatkan udara yang segar dan bersih. Melalui item B4i majoriti responden iaitu 50 peratus (5 orang) responden bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat menjadikan mereka mempelajari kewujudan flora dan fauna. Hal ini diikuti 30 peratus (3 orang) responden yang sangat bersetuju dan 20 peratus (2 orang) responden tidak setuju. Melalui item B4j peratusan responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat memberikan ketenangan adalah sebanyak masing-masing 50 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa 100 peratus responden bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat memberi ketenangan kepada penduduk di kejiranan tersebut.

Item B4k, majoriti responden sebanyak 50 peratus (5 orang) sangat bersetuju bahawa kepentingan penggunaan kawasan lapang dapat menstabilkan mikroiklim, ini diikuti dengan 40 peratus (4 orang) responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 10 peratus (1 orang) responden yang kurang bersetuju bahawa kawasan lapang dapat menstabilkan mikroiklim di kawasan tersebut. Hasil temubual, majoriti responden seramai 100 peratus bersetuju dengan nilai mod 4 dan 5, kawasan lapang kejiranan penting kepada komuniti belia Melayu. Ini menunjukkan golongan belia masih merasakan kepentingan penggunaan kawasan lapang kejiranan adalah paling penting dalam kehidupan mereka adalah untuk menikmati udara segar dan bersih serta untuk mendapatkan tenang.

Jadual 3 menunjukkan pendapat responden mengenai keadaan kawasan lapang kejiranan. Item B5a, masing-masing 30 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tidak mempunyai kemudahan aktif seperti gelanggang bola sepak dan masing-masing 20 peratus kurang setuju dan tidak setuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tiada kemudahan aktif tersebut. Sementara, item B5b majoriti responden iaitu 50 peratus (5 orang) responden bersetuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tidak mempunyai kemudahan pasif. Sebanyak 20 peratus responden pula masing-masing menyatakan sangat bersetuju, dan kurang setuju. Hanya 10 peratus responden tidak bersetuju. Hal ini mungkin kerana perspektif responden yang berbeza dalam melihat kemudahan yang ada di kejiranan mereka. Namun begitu berdasarkan kepada pemerhatian di kawasan lapang di Taman Ria, hampir kesemua kawasan lapang tidak disediakan laluan pejalan kaki dan basikal. Keadaan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh JPBD, Semenanjung Malaysia (2011), sebanyak 51.2 peratus kawasan lapang yang dikaji tidak mematuhi keperluan garis panduan perancangan kawasan lapang dan rekreasi iaitu tidak menyediakan lorong basikal yang sesuai.



Jadual 3. Taburan pendapat responden mengenai keadaan kawasan lapang kejiranan

Kod	Pernyataan	Bilangan Responden [%]					Mod
		Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	
		1	2	3	4	5	
B5a	Tiada kemudahan aktiviti aktif (gelanggang bola sepak)	- -	2 20%	2 20%	3 30%	3 30%	4
B5b	Tiada kemudahan aktiviti pasif (laluhan pejalan kaki dan basikal)		1 10%	2 20%	5 50%	2 20%	4
B5c	Tiada pokok teduhan	2 20%	3 30%	2 20%	2 20%	1 10%	3
B5d	Kurang penyelenggaraan	- -	2 20%	3 30%	3 30%	2 20%	3
B5e	Tidak menerapkan ciri-ciri keselamatan	- -	3 30%	3 30%	2 20%	2 20%	2
B5f	Saiz kawasan lapang yang kecil	- -	2 20%	4 40%	1 10%	3 30%	3
B5g	Aktiviti yang terdapat di kawasan lapang kejiranan, tidak sesuai untuk semua golongan masyarakat	1 10%	1 10%	2 20%	4 40%	2 20%	4
B5h	Tidak memaparkan seni budaya	1 10%	1 10%	2 20%	4 40%	2 20%	4

Item B5c sebanyak 30 peratus responden tidak bersetuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tidak mempunyai pokok teduhan. Masing-masing sebanyak 20 peratus responden memilih sangat tidak setuju, kurang setuju dan setuju dengan kenyataan tersebut. Hanya 10 peratus responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Hasil daripada pemerhatian di setiap kawasan lapang kejiranan terdapat banyak pokok-pokok teduhan di sekeliling kawasan lapang tersebut. Hinggakan banyak kenderaan penduduk yang tinggal berdekatan kawasan lapang diletakkan di bawah pokok.

Manakala sebanyak 30 peratus responden setuju dan 20 peratus sangat setuju bahawa item B5d iaitu kawasan lapang di kejiranan mereka kurang diselenggara. Sementara, 30 peratus responden kurang setuju dan 20 peratus responden tidak setuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka kurang diselenggara. Dapatan ini disokong melalui kajian JPBD Semenanjung Malaysia, (2011) di mana penyelenggaraan komponen landskap lembut seperti pokok-pokok teduhan, renek dan rumput, penyelenggaraan perabot-perabot taman seperti bangku, wakaf, lampu, tong sampah dan sebagainya dan penyelenggaraan taman secara keseluruhan adalah sederhana baik. Oleh itu pihak berkuasa juga perlu sentiasa membuat pemantauan kawasan lapang kerana terdapat tanah lapang yang disalah guna untuk operasi aktiviti lain seperti longgokan sampah, tempat letak kereta berbumbung, pondok kayu dan sebagainya.

Sebanyak 30 peratus responden masing-masing tidak setuju dan kurang setuju bahawa item B5e kawasan lapang di kejiranan mereka tidak menerapkan ciri-ciri keselamatan menjadikan responden yang tidak dan kurang setuju bahawa kawasan lapang mereka tidak menerapkan ciri-ciri keselamatan sebagai majoriti iaitu 60 peratus berbanding responden yang setuju dan sangat setuju. Item B5f majoriti responden

kurang setuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka bersaiz kecil iaitu sebanyak 40 peratus diikuti 30 peratus bersetuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka bersaiz kecil. Sebanyak 20 peratus responden tidak bersetuju bahawa saiz kawasan lapang di kawasan kejiranan mereka bersaiz kecil dan hanya 10 peratus responden bersetuju bahawa saiz kawasan lapang di kejiranan mereka bersaiz kecil. Berdasarkan kepada pemerhatian kebanyakan kawasan lapang kejiranan di Taman Ria adalah luas dan sesuai dijadikan sebagai padang bola. Manakala seramai 40 peratus responden setuju bahawa aktiviti yang terdapat di kawasan lapang kejiranan tidak sesuai untuk semua golongan masyarakat iaitu item B5f. Ini diikuti dengan masing-masing 20 peratus menyatakan sangat setuju dan kurang setuju terhadap kenyataan tersebut dengan nilai mod adalah 4 iaitu setuju. Masing-masing 10 peratus responden sangat tidak bersetuju dan tidak setuju bahawa aktiviti yang terdapat di kawasan lapang kejiranan mereka tidak sesuai untuk semua golongan masyarakat.

Sementara item B5g majoriti responden sebanyak 40 peratus responden setuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tidak memaparkan seni budaya diikuti dengan masing-masing 20 peratus sangat setuju dan kurang setuju bahawa kawasan lapang di kejiranan mereka tidak memaparkan seni budaya. 10 peratus responden sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap kenyataan tersebut. Hasil daripada kajian ini kawasan lapang kejiranan di Taman Ria tidak menepati kehendak golongan belia Melayu. Daripada lapan item keadaan kawasan lapang kejiranan yang dinilai, empat daripadanya adalah tidak memenuhi kehendak responden dengan nilai mod 4 iaitu setuju antaranya tiada kemudahan aktiviti aktif (gelanggang bola sepak), tiada kemudahan aktiviti pasif (lalan pejalan kaki dan basikal), aktiviti yang terdapat di kawasan lapang kejiranan, tidak sesuai untuk semua golongan masyarakat, dan tidak memaparkan seni budaya. Keadaan ini juga merupakan antara faktor menolak mengapa kawasan lapang kejiranan kurang dikunjungi seterusnya kekerapan kunjungan belia Melayu ke kawasan lapang kejiranan kurang memuaskan. Penyediaan dan pembangunan kawasan lapang yang sistematik dengan kemudahan yang mencukupi adalah penting khususnya di kawasan taman-taman perumahan bagi menggalakkan penduduk berekreasi. Keadaan ini boleh memberi impak positif terhadap amalan hidup sihat masyarakat yang secara langsungnya akan meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar.

Selain daripada keadaan kawasan lapang yang kurang memuaskan, terdapat juga beberapa faktor luaran yang menyebabkan komuniti belia melayu masa kini kurang menggunakan kawasan lapang kejiranan. Jadual 3 menunjukkan taburan pendapat responden mengenai cabaran penggunaan kawasan lapang kejiranan. Terdapat persamaan peratusan di antara setuju dan tidak setuju oleh responden terhadap kenyataan item B6a iaitu terdapat pelbagai aktiviti indoor di pusat beli belah dan di rumah kedai. Sebanyak 30 peratus responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut dan sebanyak 30 peratus responden juga kurang setuju dengan kenyataan tersebut. Sebanyak 20 peratus setuju dan sebanyak 20 peratus juga tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini adalah kerana minat atau hobi individu yang bersesuaian dengan aktiviti di tawarkan.

Jadual 4. Taburan pendapat responden mengenai cabaran kepada penggunaan kawasan lapang kejiranan

Kod	Pernyataan	Bilangan Responden [%]					Mod
		Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat Setuju	
		1	2	3	4	5	
B6a	Terdapat pelbagai aktiviti indoor di pusat membeli belah dan di rumah kedai	-	2 [20]	3 [30]	2 [20]	3 [30]	3
B6b	Terdapat pelbagai pilihan permainan game di pasaran yang mudah dicapai di internet	-	1 [10]	3 [30]	4 [40]	2 [20]	4
B6c	Kesibukan di tempat kerja	-	1 [10]	1 [10]	5 [50]	3 [30]	4
B6d	Perkembangan bidang komunikasi dan interaksi sosial tanpa batasan ruang dan waktu (aplikasi seperti whatsapp, telegram, facebook, instagram)	-	-	2 [20]	3 [30]	5 [50]	5
B6e	Perkembangan perniagaan pusat gym yang mudah dan murah dikunjungi untuk melakukan aktiviti fizikal	-	1 [10]	4 [40]	3 [30]	2 [20]	3

Item B6b majoriti responden iaitu sebanyak 40 peratus setuju bahawa terdapat pelbagai pilihan permainan game di pasaran yang mudah di capai di internet diikuti dengan 30 peratus kurang setuju. Manakala 20 peratus responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut dan hanya 10 peratus responden tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Kini terdapat pelbagai aplikasi game yang boleh diperolehi secara percuma. Permainan video yang murah dan mudah didapati di pasaran menyebabkan golongan remaja dan belia lebih suka untuk menghabiskan masa dengan bermain permainan video. Permainan video game mempunyai kesan positif dan negatif. Konvensyen pertubuhan Psikologi Amerika Syarikat (2005) dalam kajiannya ramai remaja lelaki lebih banyak menghabiskan masa dengan bermain game daripada keluar bersama teman wanita. Ini membuktikan revolusi teknologi menyebabkan golongan belia semakin jauh dengan aktiviti beriadah dan menikmati alam semula jadi.

Item B6c majoriti 50 peratus responden setuju bahawa kesibukan mereka di tempat kerja sebagai faktor kurangnya mereka menggunakan kawasan lapang diikuti dengan 30 peratus responden yang sangat bersetuju. Masing-masing 10 peratus responden sangat tidak bersetuju dan tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Kesibukan di tempat kerja sering dijadikan alasan untuk komuniti bandar dari melakukan aktiviti beriadah. Ini disokong dalam kajian Margapandu (n,d), mendapati 47.1 peratus responden menyatakan faktor kesibukan atau kerja yang banyak merupakan faktor utama menghalang mereka melibatkan diri dalam aktiviti senaman, 19.3 peratus menyatakan faktor malas sebagai penghalang kedua.

Majoriti responden sangat setuju item B6d bahawa perkembangan bidang komunikasi dan interaksi sosial tanpa batasan ruang dan waktu sebagai antara faktor kawasan lapang di kawasan kejiranan kurang digunakan iaitu sebanyak 50 peratus responden. Sebanyak 30 peratus responden pula setuju dengan kenyataan tersebut diikuti dengan 20 peratus responden kurang setuju. Mengikut perangkaan World Bank, World Development Indicators bagi tahun 2008, terdapat 62.6% daripada penduduk di Malaysia menggunakan Internet. Keadaan ini menunjukkan, dengan wujudnya revolusi teknologi maklumat, memudahkan pemindahan maklumat data dengan cepat dan tepat. Ini menunjukkan seseorang tidak perlu meluangkan masa untuk pergi ke pejabat, bersesak atas jalan raya, dan sebagainya. Kesannya masa rekreasi komuniti bandar kini akan bertambah dan akan mempengaruhi aktiviti seharian. Hasil daripada kajian ini, mendapati bahawa cara rekreasi golongan belia kini, secara tidak langsung turut berubah. Melalui data yang dikeluarkan oleh Alexa.com, terdapat 100 senarai laman web yang sering dilawati oleh pengguna Internet di Malaysia. Antara laman web yang sering dilayari oleh pengguna internet di Malaysia dalam ranking pertama adalah Google.com, Youtube.com, Yahoo.com, tangga ke - 5 Lazada.com.my, Facebook.com di tangga ke 10, Mudah.my dan Instagram di tangga ke 11. 20 daripada 50 senarai laman web yang terdapat dalam Alexa.com kebanyakannya pengguna internet di Malaysia melayari laman web yang berbentuk hiburan dan laman sosial. Menurut Abdullah dan Mawaddah (2008) dalam Arip, (2013) anggaran di Malaysia penggunaan Facebook adalah seramai 6.8 juta pengguna. Daripada jumlah itu, 52 peratus adalah pengguna lelaki manakala pengguna wanita adalah sebanyak 48 peratus. Kelompok yang paling ramai menggunakan Facebook di Malaysia ialah mereka yang berusia 18-24 tahun, iaitu mewakili 37 peratus dan diikuti dengan mereka yang berusia 24-34 tahun sebanyak 31 peratus.

Sementara item B6e, majoriti responden iaitu 40 peratus kurang setuju bahawa perkembangan perniagaan pusat *gym* yang mudah dan murah untuk melakukan aktiviti fizikal sebagai faktor kurangnya sambutan di kawasan lapang, namun 30 peratus responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara 20 peratus responden sangat setuju dan hanya 10 peratus responden tidak setuju. Menurut Maruani, & Amit-Cohen (2007), kawasan lapang mempunyai ciri-ciri semula jadi yang membolehkan ekosistem berfungsi secara berterusan melalui hidupan semula jadi dan landskap. Selain daripada itu, penyediaan kawasan lapang di kawasan kejiranan perlu menyediakan pelbagai aktiviti yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak komuniti kejiranan masa kini dan masa akan datang. Bagi memantap dan menggalakkan lebih ramai golongan belia menggunakan kawasan lapang kejiranan di masa akan datang beberapa responden telah mencadangkan agar membina kolam ikan serta menjalankan aktiviti kejiranan dengan mewujudkan satu taman bunga bersaiz kecil secara bersepadu. Dengan ini akan menggalakkan lebih ramai lagi golongan belia wanita untuk berkunjung ke kawasan lapang.

Hasil daripada temubual ini, setiap responden mempunyai kecenderungan dan pandangan yang sangat berbeza. Daripada tinjauan ini, dapat dikenalpasti wujud kecenderungan yang berbeza antara golongan belia yang bujang dengan golongan belia yang sudah berkahwin. Contohnya kelompok belia bujang kecenderungannya lebih kepada aktiviti lasak dan ekstrim seperti permainan roller blade. Manakala kelompok belia yang sudah berkahwin cenderung kepada aktiviti pasif iaitu seperti bersiar-siar dan berbasikal, taman permainan kanak-kanak dan bercucuk tanam. Hasil daripada kajian ini disokong oleh kajian (Malek, Mariapan, & Ab Rahman, (2015), menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti kawasan hijau

dengan penggunaan dan kepelbagaian aktiviti kepada pengguna taman. Menurutny lagi antara pendekatan yang boleh membantu meningkatkan penggunaan kawasan lapang adalah melalui mewujudkan kemudahan yang betul seperti taman permainan kanak-kanak, meningkatkan keselamatan di dalam ruang yang berhampiran dengan air dan semak sekitar, kemudahan barbeku elektrik berhampiran meja berkelah dan laluan pejalan kaki berserta dengan maklumat di sepanjang laluan tersebut.

Hasil penemuan kajian berdasarkan analisis di atas jelas menunjukkan bahawa golongan belia masih beranggapan bahawa kawasan lapang kejiranan itu penting. Menurut McPhail, (1987), revolusi elektronik telah mempengaruhi minda manusia; tujuannya adalah untuk mempengaruhi perangai, tingkah laku, keinginan, kepercayaan, cara hidup, pandangan pengguna atau corak pembelian pengguna. Namun begitu, penyediaan dan permintaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia masih penting. Antara kepentingan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia adalah dapat menikmati udara segar dan bersih serta dapat memberikan ketenangan. Majoriti responden tidak bersetuju teknologi maklumat boleh menggantikan fungsi riadah dan rekreasi di kawasan lapang kejiranan dan penggantian fungsi interaksi sosial di kawasan lapang kejiranan. Ini menunjukkan bahawa golongan belia mempunyai kesedaran tentang kepentingan kawasan lapang kejiranan untuk keperluan masa kini dan masa hadapan. Manakala majoriti golongan belia kurang setuju penyediaan aktiviti kawasan lapang di kawasan kejiranan menepati kehendak mereka. Antara keadaan kawasan lapang kejiranan yang di lihat tidak menepati kehendak belia adalah tiada kemudahan aktiviti aktif dan pasif, aktiviti tidak sesuai untuk semua golongan masyarakat dan tiada memaparkan seni budaya.

Pendapat terhadap cabaran kepada penggunaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia Melayu adalah terdapat pelbagai pilihan permainan *game* di pasaran yang mudah dicapai, kesibukan di tempat kerja dan perkembangan bidang komunikasi dan interaksi sosial tanpa batasan ruang dan waktu. Hasil daripada penemuan ini dapatlah dirumuskan bahawa revolusi teknologi kini, secara tidak langsung telah mengubah corak penggunaan kawasan lapang kejiranan di kalangan belia Melayu. Namun begitu, cabaran utama kerajaan dalam era teknologi maklumat adalah cara mengawal dan mengurus rangkaian teknologi maklumat supaya memberi manfaat kepada belia dan bukan sebaliknya. Oleh itu, kecenderungan ini perlu di adaptasikan ke dalam penyediaan kawasan lapang kejiranan supaya sejajar dengan kehendak dan keperluan di kalangan belia masa hadapan. Justeru itu satu pendekatan yang lebih fleksibel dan efektif terhadap penyediaan dan keadaan kawasan lapang kejiranan perlu dilaksanakan agar dapat mewujudkan bandar dan komuniti lestari.

Berdasarkan kepada pendapat cadangan aktiviti dan keadaan kawasan lapang kejiranan dapat dinilai kepada dua kelompok golongan belia. Hasil penemuan kajian berdasarkan kepada pendapat di kalangan belia bujang mempunyai kecenderungan dan pandangan yang berbeza dengan kalangan belia yang telah berkahwin. Oleh itu pihak berkuasa perlu mengambilkira pendapat dan pandangan mengikut semua peringkat umur agar tiada wujud kelompok yang terasa dipinggirkan. Selain daripada itu, garis panduan perancangan kawasan lapang kejiranan perlu mengambilkira perubahan teknologi dan kecenderungan setiap golongan komuniti. Konsep dan prinsip perancangan kawasan lapang kejiranan perlu lebih inovatif dan komprehensif bersesuaian dengan perubahan teknologi, budaya dan gaya hidup.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa revolusi teknologi maklumat sedikit sebanyak telah berjaya mengubah corak penggunaan kawasan lapang kejiranan. Pengaruhnya yang sangat kuat boleh memberi kesan negatif dan positif dalam jangka masa panjang. Ini merupakan satu ancaman dalam merealisasikan konsep pembangunan lestari di bandar. Sikap kurang peka terhadap pengaruh teknologi ini akan meruntuhkan stuktur sosial dan budaya pada masa hadapan. Oleh itu perancangan dan pembentukan dasar yang lebih bersesuaian untuk masa hadapan agar kawasan lapang kejiranan dapat menyumbang perkhidmatan dan memberi manfaat kepada komuniti kejiranan dan bandar amnya.

## Rujukan

- Abdullah, S. (2013). *Memacu transpormasi*. Ultimate Print Sdn. Bhd. Selangor.
- Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah . (2008). *Pengaruh media elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar*. Tesis Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai : Penerbit, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abbasi, A., Alalouch, C., & Bramley, G. (2016). Open space quality in deprived urban areas: user perspective and use pattern. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 216, 194-205.
- Arip, M. A. S. M. (2013). Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes (Strategy to Overcome Facebook Addiction Used among Student in School: A Case Study) Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Irna Abd Latif, Wan Rosni Wan Mamat, Siti Noratikah Abd Razak & Juwita Sayang Abd Rahim. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 93-103.
- Chiesure, A. (2004). The role of urban parks for the sustainable city. *Landscape and Urban Planning*. Vol 68.
- Gedikli, B. ( n.d). *The open space contributing to neighborhood sustainability through public events: A case from Ankara, Turkey*.
- Guidance, P. P. (2002). 17: *Planning for open space, sport and recreation*. Office of the Deputy Prime Minister, London.[online] Available at:< [www. communities. gov. uk/planningandbuilding/planningsystem/planningpolicy/planningpolicystatements/](http://www.communities.gov.uk/planningandbuilding/planningsystem/planningpolicy/planningpolicystatements/)>[Accessed 15.02. 11].
- Healthy Spaces & Places. (2009). *Design principle – parks and open space*. Dicapai Dari [www.healthyplaces.Org.Au](http://www.healthyplaces.Org.Au)
- Hamzah, J., Habibah, A., Buang, A., Zoolberi, F, A., Nik Muhammad, N. M., Yusop, N. A., A.C.Er., Mahmud, M,. (2014). Impak kawasan hijau terhadap persekitaran sosial komuniti Putrajaya. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 10 issue 8 (26 – 39)
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD Semenanjung Malaysia). (2011). *Garis panduan perancangan tanah lapang dan rekreasi*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD Semenanjung Malaysia). (2012). *Garis panduan perancangan kejiranan hijau*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD Semenanjung Malaysia). (2012). *Garis Panduan Perancangan Taman Tema*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD semenanjung Malaysia). (2011). *Laporan penilaian 'outcome' dan impak: garis panduan perancangan tanah lapang dan rekreasi*. Bahagian penyelidikan dan pembangunan.
- Klomp maker, J. O., Hoek, G., Bloemsma, L. D., Gehring, U., Strak, M., Wijga, A. H., ... & Janssen, N. A. (2018). Green space definition affects associations of green space with overweight and physical activity. *Environmental research*, 160, 531-540.
- Koohsari, M. J., Mavoa, S., Villanueva, K., Sugiyama, T., Badland, H., Kaczynski, A. T., ... & Giles-Corti, B. (2015). Public open space, physical activity, urban design and public health: Concepts, methods and research agenda. *Health & Place*, 33, 75-82.
- Lebel, A., Pampalon, R., & Villeneuve, P. Y. (2007). A multi-perspective approach for defining neighbourhood units in the context of a study on health inequalities in the Quebec City region. *International Journal of Health Geographics*, 6(1), 1.
- Maruani, T., & Amit-Cohen, I. (2007). Open space planning models: A review of approaches and methods. *Landscape and urban planning*, 81(1), 1-13.
- Margapandu, M (n,d). *Kajian Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Terhadap Senaman Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Wanita Maktab Perguruan Sandakan, Sabah*. Maktab Perguruan Sandakan. dicapai pada 17/12/2016 dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2003/muruMPSAN Dkk.pdf>
- Malek, N. A., Mariapan, M., & Ab Rahman, N. I. A. (2015). Community participation in quality assessment for green open spaces in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 168, 219-228.
- McPhail, T. L. (1987). *Electronic colonialism: The future of international broadcasting and communication* (Vol. 126). Sage Publications, Inc.
- Patricios, N. (2002). Urban design principles of the original neighborhood concepts. *Urban morphology*, 6(1).
- Potwarka, L. R., Kaczynski, A. T., & Flack, A. L. (2008). Places to play: association of park space and facilities with healthy weight status among children. *Journal of community health*, 33(5), 344-350.
- Sandelowski, M. (1995). Sample size in qualitative research. *Research in nursing & health*, 18(2), 179-183.
- Thompson, C. W. (2002). Urban open space in the 21st century. *Landscape and urban planning*, 60(2), 59-72.
- UNESCO (United Nations Educational, scientific and Cultural Organization). (1969). *In partnership with Youth*. France: UNESCO.
- Habitat, U. N. (1996). An urbanizing world, global report on human settlements. *Nairobi: UN Human Settlements Programme*.